

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB DR KO CHUNG SEN [KAMPAR]
TARIKH : 2018
SOALAN : 204**

YB Dr. Ko Chung Sen [Kampar] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan;

- a. Bilangan dan lokasi pengimbas PET-CT untuk rawatan kanser di negara ini, termasuk di hospital Kerajaan mahupun hospital swasta; dan
- b. Tambahan lokasi pengimbas PET-CT yang diperlukan ke arah mencapai sistem penjagaan yang senang untuk diakses pesakit di hospital Kerajaan dan kos yang terlibat, dan jumlah wang diperuntukkan Kerajaan untuk perolehan pengimbas PET-CT baru.

12

Tuan Yang Di Pertua,

Jumlah keseluruhan bilangan pengimbas PET-CT di Malaysia adalah sebanyak 17 buah iaitu 2 di premis kerajaan dan 15 di premis swasta.

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mempunyai 6 pusat yang menyediakan Perkhidmatan Perubatan Nuklear iaitu, di Hospital Pulau Pinang, Hospital Kuala Lumpur, Institut Kanser Negara (IKN), Hospital Sultanah Aminah, Hospital Umum Sarawak dan Hospital Wanita dan Kanak-kanak Sabah. Hanya dua pusat sahaja yang mempunyai PET-CT iaitu di IKN dan Hospital Pulau Pinang dengan kos perolehan RM35 juta PET-CT termasuk kerja tapak. Hospital Wanita dan Kanak-kanak Sabah dan Hospital Umum Sarawak telah diprioritikan untuk penempatan PET-CT yang seterusnya.

KKM bercadang untuk memperluaskan Perkhidmatan PET-CT kepada baki 4 Pusat Perubatan Nuklear yang sedia ada. Selain itu, KKM juga bercadang untuk memperluaskan perkhidmatan Perubatan Nuklear (PET-CT) ke Zon Timur, iaitu di Kuala Terengganu pada masa hadapan.

SOALAN (205)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB DATUK KOH NAI KWONG
[ALOR GAJAH]**

SOALAN :

YB DATUK KOH NAI KWONG [ALOR GAJAH] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan akan membuat laporan penilaian kesan kepada ekonomi bagi untuk Projek Laluan Rel Pantai Timur atau ERCL dan apakah mekanisme dasar untuk memastikan kesan limpahan ekonomi dapat dinikmati oleh rakyat.

14

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) adalah projek yang bermanfaat bagi merealisasikan aspirasi negara untuk menjadikan ekonomi negara yang lebih memberangsangkan. Pemilikan, pengurusan dan operasi ECRL secara penuhnya dikawal oleh Kerajaan Malaysia melalui syarikat khusus di bawah milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan, iaitu Malaysia Rail Link Sdn Bhd.

Projek ECRL bukanlah sesuatu yang baharu, malah ianya telah mula dibincangkan di pelbagai peringkat sejak 1981 lagi. Sejak cadangan asalnya, perancangan menyeluruh, pelan kewangan, kaji selidik pasaran dan kajian sudah dilaksanakan. Kajian kebolehlaksanaan telah dilakukan sejak 2007 dan kaji selidik pasaran melalui Permintaan Maklumat (Request of Information - RFI) telah dilaksanakan dari Mac sehingga Jun 2016. Melalui kajian-kajian ini, pelbagai aspek dikaji secara teliti dan menyeluruh termasuklah dari segi impak ekonomi, sosial dan spesifikasi teknikal. Berdasarkan kajian yang telah dilaksanakan, impak ekonomi yang

dihasilkan melalui projek ECRL dijangka berpotensi meningkatkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) di negeri-negeri Pantai Timur sebanyak 1.5%.

Tuan Yang di-Pertua,

Projek ECRL memberi penekanan terhadap penglibatan kontraktor dan pekerja tempatan, penggunaan kandungan tempatan dan pengehadan barangan import serta pembinaan teknologi. Oleh itu, minimum 30% kontraktor tempatan akan menerima limpahan ekonomi secara langsung daripada pelaksanaan projek ECRL. Projek ini tidak hanya memberi peluang kepada para kontraktor tempatan bagi kerja-kerja sivil, malahan pembangunan yang bakal dilaksanakan melalui *Corridor Development* dan *Transit Oriented Development* di sekitar jajaran projek juga bakal memberi manfaat yang besar dari segi limpahan ekonomi terhadap rakyat terutamanya bagi komuniti setempat termasuklah usahawan dan pengusaha industri kecil dan sederhana. Kewujudan lebih banyak peluang pekerjaan, pembangunan hartanah, pengembangan perdagangan dan industri logistik juga menyumbang ke arah ekonomi yang lebih mantap sekaligus menaikkan taraf hidup rakyat Malaysia.

16

Oleh yang demikian, dengan terlaksananya projek ini kelak, diharapkan semua pihak akan dapat memanfaatkan setiap elemen positif yang terhasil selain memberikan limpahan pertumbuhan ekonomi Malaysia yang lebih mampan, *value for money* dan boleh dirasakan oleh segenap lapisan rakyat di negara ini.

Sekian, terima kasih.

Mac 2018